

TEKANNAN JANGGANN JADI ALAT

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

RH 24 MAY 1962

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini membidas pemimpin-pemimpin parti yang tunduk dan menjadi alat 'golongan pendesak' serta mensifatkan mereka sebagai 'posmen' yang tidak dikehendaki oleh Barisan Nasional.

Katanya, Barisan Nasional tidak akan tunduk kepada tuntutan-tuntutan keterlaluan, terutamanya yang berkaitan dengan pembentukan jentera kerajaan selepas pilihanraya lalu.

"Perlantikan dan pembentukan jentera kerajaan sudah dibuat mengikut persetujuan yang ada dalam Barisan Nasional, tanpa mengurangkan hak orang lain.

"Jentera kerajaan tidak boleh diubah atau ditambah dan apa yang boleh dilakukan sekarang hanya melicinkan lagi perjalanannya supaya tidak terdapat sebarang gangguan," katanya.

Berucap merasmikan seminar persidangan ketua-ketua bahagian dan cawangan MCA seluruh Malaysia di Wisma MCA di sini hari ini, Perdana Menteri, selaku Pengerusi Barisan Nasional, mengingatkan pemimpin dan ahli-ahli MCA jangan membuat tuntutan keterlaluan atau membangkitkan perkara-perkara yang boleh menjadi isu hangat, sedangkan penyelesaiannya mungkin tidak dapat dibuat.

Katanya, semua pemimpin dan ahli Barisan Nasional mestilah rasional dalam soal ini dan sama-sama meneruskan semangat

kerjasama yang telah membawa kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menujukan ingatannya kepada MCA supaya jangan terlalu berangan-angan tinggi selepas memenangi pilihanraya dengan cemerlang.

Amanah

Sebaliknya, tambah beliau, kemenangan cemerlang itu menunjukkan sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional dan kita mestilah terus bekerja kuat memikul amanah rakyat itu.

"Jangan biarkan diri kita dikuasai oleh emosi, sebaliknya hendaklah

digariskan matlamat masa depan kita agar cita-cita negara, kerajaan, Barisan Nasional dan rakyat dicapai," kata beliau lagi.

Kepada pemimpin dan ahli-ahli MCA, Perdana Menteri mengingatkan mereka mempunyai tugas yang besar, bukan sahaja untuk membangunkan negara, juga meneruskan hubungan baik dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain.

"Pemimpin dan ahli-ahli MCA mestilah menanamkan semangat kerjasama ini dan jelaskan kepada semua anggotanya mengapa sesuatu perkara itu tidak dapat dibuat oleh kerajaan atau boleh dibuat separuh sahaja.

"Hakikat kerjasama dan kepentingan bersama ini harus disadari

oleh semua pihak agar dapat mengelakkan kita dari membangkitkan perkara-perkara yang menjadi isu, tetapi tidak ada penyelesaian," tambah beliau.

Perdana Menteri selanjutnya menekankan betapa perlunya ahli-ahli MCA, sebagai anggota kerajaan, memikul tanggungjawab untuk kemakmuran dan kestabilan negara dan bukannya mengkritik sahaja.

Sokongan

"Kita bukan parti pembangkang yang hanya pandai mengkritik sahaja, tetapi kita ialah orang-orang yang menjalankan tugas untuk memikul tanggungjawab

memajukan negara," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, kemenangan Barisan Nasional yang lalu bergantung pada sokongan semua kaum dan tidak siapa pun calon Barisan Nasional, sama ada dari MCA, UMNO, MIC dan lain-lain parti tidak mengharapkan sokongan semua kaum.

Katanya, pengalaman masa lalu menunjukkan calon Barisan Nasional di kawasan majoriti satu-satu kaum menang disebabkan oleh sokongan dari semua kaum di kawasan itu.

"Oleh itu kemenangan MCA juga memerlukan sokongan semua kaum. Dengan itu kita mesti bekerjasama untuk mencapai kemajuan dalam kerajaan," katanya lagi.